

Bekas PM arah tukar penandatanganan TIA: Saksi

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, melalui ahli perniagaan dikehendaki polis, Low Taek Jho atau Jho Low mengarahkan supaya Lembaga Pelaburan Terengganu Berhad (TIA) menukar penandatanganan akaun syarikat melalui resolusi yang sah.

Arahan itu susulan daripada peletakan jawatan adinda Sultan Terengganu, Tengku Datuk Rahimah Puteri al-Marhum Sultan Mahmud sebagai pengarah TIA melalui surat bertarikh 27 Mei 2009 yang ditujukan kepada Ahli Lembaga Pengarah (BOD) TIA.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, dalam keterangannya di Mahkamah Tinggi, berkata tujuan surat itu dikeluarkan Tengku Rahimah kerana mahu memaklumkan BOD TIA bahawa baginda berhasrat meletak jawatan sebagai seorang daripada Pengarah TIA serta-merta.

Saksi pendakwaan kesembilan

itu berkata, Tengku Rahimah turut memaklumkan melalui surat itu bahawa baginda tidak akan membuat sebarang tuntutan atau pampasan kepada TIA berikutan peletakan jawatan berkenaan.

“Selepas berlaku konflik dengan Istana Terengganu sehingga Tengku Rahimah meletak jawatan sebagai pengarah TIA, saya berasa tidak selesa kerana ia memabitkan golongan atasan.

“Saya meminta pandangan Jho Low dan beliau beritahu, Najib mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan mengambil alih TIA kerana terdapat bon RM5 bilion yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

“Kementerian Kewangan Diperbadankan (MOF Inc) pula akan mengambil alih syer Menteri Besar Incorporated (MBI) Terengganu dan membayar semula saham mereka. Ini bermakna TIA akan menjadi syarikat milik penuh MOF Inc. dan dananya dijamin Kerajaan Persekutuan,” katanya.

Shahrol Azral berkata, bagi menjaga dana IMTN yang sudah berada dalam akaun TIA, Najib melalui Jho Low mengarahkan agar TIA menukar penandatanganan akaun syarikat melalui resolusi yang sah.

Terdahulu, Shahrol Azral berkata beliau menerima surat daripada Ambank sebagai maklum balas kepada surat Tengku Rahimah bertarikh 22 Mei 2009.

Beliau berkata, surat itu berkaitan AmInvestment yang pada dasarnya memaklumkan bahawa penggantian IMTN itu tidak boleh dilakukan kerana ia akan mengganggu pasaran dan impak yang serius kepada pasaran modal IMTN.

“Saya merujuk kepada Jho Low dan beliau tetap berpegang pada arahan Najib pada malam 22 Mei 2009 di rumah beliau iaitu IMTN perlu diteruskan walaupun mendapat tentangan daripada pemegang saham yang lain.

“Oleh itu, saya mengeluarkan satu surat rasmi kepada AmIn-

vestment Bank untuk mengarahkan mereka meneruskan terbitan bon IMTN seperti diarahkan Najib.

“Melalui surat itu, AmInvestment meneruskan terbitan IMTN manakala pihak kami (TIA) pula menandatangani perjanjian Murabahah Purchase,” katanya.

Shahrol Azral berkata, terdapat lapan dokumen berkaitan perjanjian terbitan bon IMTN antara TIA dan AmInvestment Bank Berhad pada 26 Mei 2009.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram, Shahrol Azral berkata, bon Islamik bernilai RM5 bilion itu dijual kepada dua entiti masing-masing berpangkalan di Singapura dan Hong Kong.

Beliau berkata, bon itu dijual pada harga RM4.369 bilion pada 6 Mei 2009 melalui perjanjian di antara TIA dan AmInvestment Bank Berhad.

“Pembeli bon itu dikenal pasti pada tahun 2018 dan Jabatan Jenayah Komersial menunjukkan

kepada saya jejak pergerakan wang melalui penjualan bon itu.

“Saya tidak ingat nama pihak yang menjual balik bon itu kepada entiti di Malaysia pada nilai tara,” katanya.

Sementara itu, Shahrol Azral mendedahkan beliau dan Jho Low mendraf surat berkaitan syarikat TIA dalam kamar tidur ahli perniagaan itu.

Saksi itu yang dirujuk kepada Resolusi Pekeliling Pengarah TIA pada Jun 2009, Shahrol Azral berkata resolusi itu dirangka olehnya bersama Jho Low.

Menjawab soalan Sri Ram, sama ada beliau melihat Jho Low merangka surat TIA seperti yang dipersetujui Najib, Shahrol menjawab: ‘Ya’

Shahrol: Saya menaip surat itu di dalam bilik tidur Jho Low di Nombor 3 Kia Peng (kondominium Jho Low).

Kami bergilir-gilir merangka surat berkenaan. Surat ini kemudian ditandatangani saya selaku CEO TIA.